

03 November, 2008 16:40 PM

## **Malaysia Perkenalkan Tetingkap Tunggal Kebangsaan Menjelang Akhir Tahun**

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Malaysia akan mempunyai Tetingkap Tunggal Kebangsaannya menjelang akhir tahun bagi mengguna pakai Tetingkap Tunggal Asean tahun depan, kata ketua pegawai operasi Dagang Net Technologies Sdn Bhd, Zaharin Ali hari ini.

"Kita kini sedang meninjau ke arah penyediaan Tetingkap Tunggal Kebangsaan agar kita dapat mengguna pakai Tetingkap Tunggal Asean apabila ia dilaksanakan," kata beliau kepada pemberita selepas perasmian bengkel untuk mempermudah perdagangan sempadan bersilang yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Ekonomi PBB untuk Eropah (UNECE) di sini.

Sistem Tetingkap Tunggal itu bertujuan mempermudah perdagangan.

Sehubungan itu, pelaksanaan sistem itu akan membolehkan peniagaan (sempadan bersilang) antarabangsa mengemukakan dokumen peraturan mereka di lokasi tunggal dan/atau entiti tunggal.

Dokumen-dokumen itu biasanya ialah dokumen pengisytiharan kastam, permohonan untuk permit import atau eksport serta dokumen sokongan yang lain seperti sijil negara asal dan invois perniagaan.

Zaharin berkata konsep itu ialah untuk mengadakan satu laluan tunggal di mana semua negara Asean boleh memasuki satu pangkalan data untuk berkongsi maklumat.

"Jadi, apa yang ditawarkan oleh sebuah jabatan kastam turut ditawarkan oleh jabatan kastam yang lain di rantau ini," kata beliau.

Zaharin berkata syarikat itu telah dipertanggungjawabkan untuk memajukan, mengekalkan dan mengendalikannya Tetingkap Tunggal Kebangsaan.

"Terdapat lima teras perkhidmatan di peringkat pertama Tetingkap Tunggal Kebangsaan dan kami telah sedia untuk empat. Perkhidmatan kelima akan dilancarkan secara rasmi atau bermula pada 1 Jan, 2009," katanya.

Kelima-lima perkhidmatan itu ialah pengisytiharan kastam berelektronik, pembayaran duti elektronik, manifesto elektronik, permit elektronik dan pensijilan asal keutamaan elektronik.

-- BERNAMA.COM Bisnes